



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan) 1987

DR.33/1987

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Tribunal
Perkhidmatan Awam 1977.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan) 1987 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh berikutan tarikh penyarannya dalam *Warta*.
Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.
2. Seksyen 11 Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977, yang dalam Akta ini disebut “Akta ibu”, adalah dipinda—
Pindaan
seksyen 11.
Akta 186.
 - (a) dengan menggantikan dalam perenggan (c) subseksyen (1)—
 - (i) (dalam teks bahasa Inggeris sahaja) perkataan “an” yang terdapat sebelum sahaja perkataan “alleged” dengan perkataan “the”; dan
 - (ii) noktah dengan koma bertitik dan menambah perkataan “atau”;

- (b) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (c) subseksyen (1) perenggan baru (d) yang berikut:

“(d) seorang yang telah bersara, meletak jawatan, dibuang kerja atau perkhidmatannya ditamatkan daripada perkhidmatan awam jika anomali yang dikatakan itu adalah berkenaan dengannya semasa dia seorang anggota perkhidmatan awam.”;

- (c) dengan memasukkan selepas sahaja tanda “(c)” dalam subseksyen (2) perkataan dan tanda “dan (d)”;

- (d) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (2) subseksyen baru (2A) yang berikut:

“(2A) Tiada apa-apa rujukan apa-apa anomali bagi maksud rundingan boleh dibuat kepada Kerajaan Persekutuan selepas tamatnya tempoh tiga tahun daripada mulanya berkuatkuasa Akta Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan) 1987.”.

Pindaan
seksyen 12.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 12 dengan yang berikut:

“Anomali yang tidak diselesaikan dengan rundingan boleh dirujuk kepada Tribunal dalam tempoh tiga bulan.

12. (1) Mana-mana pihak boleh merujuk kepada Tribunal apa-apa pertikaian berkenaan dengan apa-apa anomali yang tidak diselesaikan dengan rundingan di bawah seksyen 11 dalam tempoh tiga bulan dari tarikh orang yang terkilan disampaikan satu perakuan kegagalan menyelesaikan anomali itu dengan rundingan.

(2) Jika suatu perakuan kegagalan menyelesaikan anomali telah dikeluarkan sebelum mula berkuatkuasanya Akta Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan) 1987, tempoh tiga bulan itu hendaklah bermula dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta Pindaan itu.

(3) Tempoh tiga bulan yang ditetapkan dalam subseksyen (1) dan (2) tidak boleh dilanjutkan oleh mana-mana mahkamah atas apa-apa sebab.”.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 15 seksyen baru 15A yang berikut: Seksyen baru 15A.

“Tafsiran
ketaksan
atau
kekeliruan
keputusan
Tribunal.

15A. Jika apa-apa soalan timbul mengenai tafsiran apa-apa keputusan yang dibuat oleh Tribunal, mana-mana pihak yang terikat dengan keputusan Tribunal boleh memohon kepada Tribunal untuk mendapatkan tafsiran bagi keputusan tersebut dan Tribunal boleh membuat ubahsuaian-ubahsuaian atau perubahan-perubahan kepada keputusan terdahulu sebagaimana yang disifatkan perlu semata-mata dengan maksud untuk menjelaskan keputusannya dan untuk menghapuskan apa-apa ketaksan atau kekeliruan yang timbul dari keputusan asal itu.”.

5. Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 18.

- (a) (dalam teks bahasa Inggeris sahaja) dengan menggantikan perkataan “the” yang terdapat sebelum sahaja perkataan “Act” dalam subseksyen (1) dengan perkataan “this”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “atau 12 atau dalam masa perbicaraan Tribunal masih belum selesai atau pada bila-bila masa selepas keputusan dibuat oleh

Tribunal” dalam subseksyen (1) dan (2) dengan perkataan-perkataan “kepada Kerajaan Persekutuan tanpa mengira sama ada anomali itu yang tidak diselesaikan dengan rundingan kemudiannya dirujuk kepada Tribunal di bawah seksyen 12 atau sebaliknya”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977, yang selepas ini disebut “Akta”.

2. *Fasal 2* bertujuan mengemukakan perenggan baru (d) kepada subseksyen (1) dan subseksyen baru (2A) kepada seksyen 11 Akta untuk memperuntukkan bahawa pegawai awam yang telah bersara, meletakkan jawatan, dibuang kerja atau perkhidmatan mereka ditamatkan boleh merujuk kepada Kerajaan Persekutuan sesuatu anomali untuk rundingan dalam jangka masa tiga tahun daripada mulanya berkuatkuasa pindaan ini kepada Akta.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk menggantikan seksyen 12 Akta bagi memperuntukkan bahawa tiada anomali boleh dirujuk kepada Tribunal selepas tamatnya tempoh tiga bulan dari—

(a) tarikh di mana orang yang terkilan itu disampaikan satu salinan perakuan kegagalan untuk menyelesaikan anomali itu dengan rundingan; atau

(b) tarikh mulanya berkuatkuasa pindaan ini kepada Akta bagi kes-kes di mana perakuan kegagalan untuk menyelesaikan anomali dengan rundingan telah disampaikan kepada orang yang terkilan itu,

dan tempoh ini tidak boleh dilanjutkan oleh mana-mana mahkamah atas apa-apa sebab.

4. *Fasal 4* bertujuan mengemukakan satu seksyen baru 15A kepada Akta untuk membolehkan mana-mana pihak yang terikat dengan keputusan Tribunal memohon kepada Tribunal bagi tafsiran apa-apa keputusannya untuk penjelasan keputusannya dan menghapuskan apa-apa ketaksan atau kekeliruan.

5. *Fasal 5* bertujuan membuat penjelasan kepada peruntukan seksyen 18 yang sedia ada bahawa mana-mana anggota sesuatu kesatuan sekerja, sesuatu persatuan pegawai-pegawai awam yang adalah pihak terkilan atau mana-mana orang yang terkilan tidak

dibenarkan melakukan apa-apa yang ditetapkan sebagai tindakan perusahaan yang ditegah di dalam Akta dan mana-mana pertubuhan, badan atau kesatuan sekerja tidak dibenarkan membuat apa-apa yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan atau simpati terhadap mana-mana orang yang terkilan pada bila-bila masa selepas sesuatu anomali telah dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan sama ada anomali itu, jika tidak diselesaikan dengan rundingan, kemudiannya dirujuk kepada Tribunal atau tidak.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1401.]

